

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XV)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

12. Perbezaan syarat nisbah keluasan tanah untuk pembinaan surau bagi sesuatu projek yang perlu disediakan oleh pemaju terdapat percanggahan antara MBPP dan MAIPP seperti yang berlaku untuk Flat Bayu Nyaman, Bayan Lepas. Tanah yang disediakan oleh pemaju tidak menepati kehendak MAIPP iaitu saiz kecil.
- (a) Bolehkah ditetapkan syarat MBPP tersebut mengikut nisbah MAIPP lebih praktikal?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menggunakan "Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Perumahan Baru" untuk semua pembangunan projek perumahan sejak 14 Disember 1989. Garis panduan tersebut telah menetapkan bahawa kadar keluasan bagi penyediaan Tapak Ibadat Islam (Surau) dan Tapak Ibadat Bukan Islam adalah 0.1 meter persegi per orang. Saiz bagi keluasan surau untuk projek Flat Bayu Nyaman bagi tapak surau adalah menepati garis panduan yang ditetapkan.

PlanMalaysia@Pulau Pinang (JPBD) sejak 2012 telah merangka "Draf Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Tempat Ibadat Islam Negeri Pulau Pinang" untuk diselaraskan dan diterima pakai oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (MBPP dan

MPSP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Draf akhir telah disiapkan dan akan dibentangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kelulusan sebelum arahan pemakaian garis panduan dikeluarkan oleh PlanMalaysia@Pulau Pinang (JPBD).